

## SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkd@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### TH SUNTIK BANTUAN MODAL UNTUK 15 ORANG USAHAWAN ASNAT

**SHAH ALAM, Jumaat, 14 Julai 2017:** Lembaga Tabung Haji (**TH**) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) hari ini menyumbang sebanyak **RM126,324.00** kepada usahawan asnaf daripada pelbagai industri dalam majlis yang diadakan di Bait Al Mawaddah (Pusat Penjagaan Warga Emas) LZS.

YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** disertai YBhg. Tuan Haji Hussin Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif LZS hadir menyerahkan sumbangan kepada semua **15 orang usahawan asnaf** yang terdiri daripada industri percetakan, perikanan, perniagaan makanan, jahitan dan cucian kereta.

Sumbangan yang diserahkan melalui Program Ikhtiar **TH** ini adalah bertujuan memberi bantuan suntikan modal untuk membolehkan usahawan asnaf memulakan dan/atau membesarkan perniagaan berdasarkan kemahiran yang dimiliki. Antara objektif utama program adalah untuk memberi harapan, sumber pendapatan tambahan yang membolehkan mereka meneruskan kelangsungan selain memperbaiki keadaan kehidupan sedia ada.

Selain daripada Program Ikhtiar ini, **TH** terus memperlihat keprihatinannya dengan penganjuran beberapa program lain seperti Program Alfiat, Program Baiti, Program Ehsan dan Program Ziarah Kasih Ramadan anjuran Yayasan TH pada sepanjang tahun sebagai sebahagian daripada Program Tanggungjawab Sosial Korporatnya. Program Ziarah Kasih Ramadan telah memanfaatkan lebih 100 ribu penerima di **76** kawasan di seluruh negara dengan keseluruhan sumbangan berjumlah **RM18 juta**. Program-program seumpama ini jelas memperlihatkan

keprihatinan **TH** terhadap keperluan masyarakat setempat khususnya golongan asnaf.

Majlis ini turut dihadiri oleh para pegawai LZS, anggota-anggota **TH** serta para penerima.

**-Tamat-**

### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.